Nordin harap dapat kongsi idea hala tuju baru UUM

um 01/7/2005 6:1

DR. NORDIN KARDI

KUALA LUMPUR 30 Jun — Naib Canselor (VC) Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru, Datuk Dr. Nordin Kardi berharap dapat berkongsi idea dengan warga UUM bagi menetapkan wawasan dan hala tuju baru universiti itu.

Sehubungan itu, Nordin, 53, yang diumumkan akan mengisi kekosongan jawatan itu oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh semalam, mahu mengadakan pertemuan dengan pentadbir, pensyarah dan mahasiswa UUM terlebih dahulu.

"Saya ingin berkongsi visi dan misi (UUM), saya bersama-sama mereka," kata bekas Ketua Pengarah Biro Tata Negara itu ketika dihubungi bagi mengulas pelantikannya sebagai VC UUM yang baru.

Beliau juga menegaskan akan meneruskan dasar-dasar yang dilaksanakan bekas VC universiti itu sebelum ini, Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri.

Ini kerana, menurut Nordin, Allahyarham Ahmad Fawzi telah membina asas yang kukuh bagi UUM.

Nordin berharap pihak media tidak memberi publisiti berlebihan terhadapnya.

"Tolong jangan buat publisiti lebih-lebih terhadap saya, saya baru nak mulakan tugas, apa yang penting bagi saya sekarang ialah untuk bekerja," katanya.

Menurut Nordin, beliau dimaklumkan mengenai pelantikan itu yang berkuat kuasa 16 Jun lalu menerusi surat yang diterimanya Isnin lepas.

"Saya akan melapor diri di UUM Sabtu ini dan kembali semula ke Biro Tata Negara untuk mengemas barang-barang saya," katanya.

"Mungkin dua atau tiga hari selepas itu barulah agaknya saya dapat memulakan tugas baru saya itu," tegasnya.

Nordin juga menekankan tentang pentingnya mahasiswa dibangunkan supaya mereka tidak tercicir setelah menamatkan pengajian.

"Kita perlu lahirkan mahasiswa yang bukan sahaja boleh memenuhi keperluan negara tetapi bersedia menghadapi perubahan dunia," ujarnya.

Nordin memperoleh ijazah dalam bidang ekonomi dan psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan ijazah sarjana dari Western Michigan University, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya dalam bidang akademik sebagai Pegawai Tadbir di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada 1977.

Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke University of Hull, England dan memperoleh ijazah falsafah (Ph.D.) pada 1985.

Setelah kembali, beliau dilantik sebagai pensyarah di Fakulti Pendidikan UPM.

Pada tahun 1997, beliau dipinjamkan ke Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang baru ditubuhkan dan sebagai Ketua Pengarah Biro Tata Negara pada 1999.

UUM/PR/09/um/01.07.2005/p:6(1)